



SIARAN AKHBAR

MAJLIS PENANDATANGANAN KONTRAK DIANTARA JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN DAN SYARIKAT SERI GHANIMI CONTRACTOR SDN. BHD. BAGI PROJEK MEMBINA SKIM PENGAIRAN TAMBAHAN BAGI KAWASAN PENANAMAN PADI DI SELURUH DAERAH: *IRRIGATION SYSTEM CAPACITY EXPANSION* DAN PROJEK *IMPROVEMENT AND UPGRADING OF KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN (KKP) BETUMPU FARM AND FLOOD MITIGATION*

Bandar Seri Begawan - Hari Selasa, 11hb Mei 2021/ 28 Ramadhan 1442

Satu majlis penandatanganan kontrak di antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam dengan Syarikat Seri Ghanimi Contractor Sdn Bhd. bagi Projek Membina Skim Pengairan Tambahan Bagi Kawasan Penanaman Padi Di Seluruh Daerah: *Irrigation System Capacity Expansion* dan Projek *Improvement and Upgrading of Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Betumpu Farm And Flood Mitigation* telah diadakan pada hari ini bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Menandatangani perjanjian projek-projek berkenaan bagi pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ialah Dayang Hajah Masliana Yuliah binti Abdullah, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan dan disaksikan oleh Pengiran Mohammad Fadly Harfinie bin Pengiran Haji Mohammad Kassim, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif. Manakala bagi pihak Syarikat Seri Ghanimi Contractor Sdn. Bhd. diwakili oleh Awang Mohammed Abdul Javad bin Mohammed Abdul Kadir, Pengarah Urusan dan disaksikan oleh Haji Hadanan bin Haji Yahya, Pengarah Syarikat Seri Ghanimi Contractor Sdn. Bhd.

Hadir selaku Tetamu Kehormat ke majlis penandatanganan perjanjian tersebut ialah Yang Berhormat, Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut sama hadir ialah Yang Berhormat Awg Haji Mohaimin Bin Haji Johari @Jahari, Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Ketua Kampong Limau Manis; Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Ketua-Ketua Jabatan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta pegawai-pegawai kanan, para pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Projek *Irrigation System Capacity Expansion* adalah merupakan fasa ketiga di bawah Skim Mekanisasi Wasan-Bebuloh iaitu projek menaiktaraf dan meningkatkan efisiensi fasiliti pam dan tangki penyimpanan air di Empangan Imang, penyambungan paip pengairan dari kolam-kolam tadahan di KKP Batang Perhentian, dan pembinaan kolam tadahan baru di KKP Junjungan. Projek ini akan dilaksanakan selama 14 bulan dan dijangka akan siap pada bulan Julai 2022. Projek *Improvement and Upgrading of Kawasan Kemajuan Pertanian Betumpu (KKP) Farm and Flood Mitigation* pula adalah bertujuan untuk membina sistem pengawalan banjir dan menaiktaraf struktur asas seperti jalan dan parit di KKP Betumpu. Ini akan dapat membantu mengurangkan kos kerugian kepada para pengusaha akibat daripada bencana banjir yang kerap melanda di kawasan tersebut. Projek ini akan mengambil masa selama 17 bulan dan dijangka siap pada bulan Oktober 2022.

Nilai keseluruhan pakej-pakej kerja projek ini adalah bernilai sebanyak \$6.5 juta, dan ianya direka dan dilaksanakan secara kerjasama oleh Seri Ghanimi Contractor Sdn Bhd. Antara keuntungan yang dapat diraih daripada projek-projek ini adalah termasuk jaminan pengairan kepada pengusaha-pengusaha padi, sayur, pelbagai tanaman dan ternakan serta kemampuan untuk mengawal aras air dalam ladang mengikut keperluan di Kawasan-Kawasan Kemajuan Pertanian yang terlibat. Melalui projek-projek ini, adalah diharap ianya akan meningkatkan pengeluaran dan produktiviti sektor sumber-sumber utama ke arah mendokong hasrat negara bagi jaminan sekuriti makanan di Negara ini.

Tamat.